

Majlis Peguam hargai pengiktirafan Najib
Utusan Online
16 Januari, 2013

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Majlis Peguam menyambut baik pengiktirafan yang diberikan kerajaan terutamanya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyifatkan badan itu sebagai rakan penting dan rakan setaraf dalam sistem perundangan negara.

Presidennya, Lim Chee Wee berkata, pengiktirafan itu boleh menjadi isyarat kepada perubahan pemikiran berkenaan bagaimana kerajaan menilai Majlis Peguam.

"Pengiktirafan itu juga memberi galakan kepada Majlis Peguam untuk meneruskan usaha-usaha baik yang dilakukan selama ini," katanya ketika berucap dalam Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2013 (Opening of the Legal Year 2013) di Istana Kehakiman, Putrajaya, Sabtu lalu.

Chee Wee merujuk kepada ucapan Najib dalam Persidangan Undang-undang Antarabangsa Malaysia (IMLC) anjuran Majlis Peguam baru-baru ini yang antara lain turut menegaskan kerajaan mendengar segala pandangan badan itu.

Menurut Chee Wee, kata-kata perangsang itu diucapkan Najib ketika kebanyakan ahli politik mengkritik Majlis Peguam termasuk mengugut supaya badan alternatif seperti Akademi Undang-Undang ditubuhkan bagi menggantikan badan tersebut.

Kritikan itu, kata beliau, merupakan reaksi ekoran tindakan Majlis Peguam mengutuk tindakan polis sewaktu berlangsungnya perhimpunan Bersih 3.0 pada April tahun lalu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130116/dn_04/Majlis-Peguam-hargai-pengiktirafan-Najib